



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## FAKTOR MEMPENGARUHI KEGIATAN MEROKOK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH DAN TINDAKAN KAUNSELOR DALAM MENANGANINYA

*FACTORS INFLUENCING SMOKING ACTIVITY AMONG STUDENTS AND THE  
ACTIONS OF COUNSELLORS IN DEALING WITH IT*

Sitti Nonieyah Mohd Gaid<sup>1</sup>, Farah Mohamad Zain<sup>2\*</sup>, Faizahani Ab Rahman<sup>3</sup>, Marini Kasim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia  
Email: sittinonieyah98@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia  
Email: mz.farah@uum.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia  
Email: faizahani@uum.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia  
Email: marini@uum.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 25.04.2022

Revised date: 20.05.2022

Accepted date: 10.06.2022

Published date: 15.06.2022

#### To cite this document:

Gaid, S. N. M., Zain, F. M., Ab Rahman, F., & Kasim, M. (2022). Faktor Mempengaruhi Kegiatan Merokok dalam Kalangan Pelajar Sekolah dan Tindakan Kaunselor dalam Menanganinya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 154-167.

DOI: 10.35631/IJEPC.746014

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Tabiat merokok dalam kalangan remaja khususnya pelajar sekolah semakin meningkat dan membimbangkan. Masalah sosial ini sudah terlalu lama berakar umbi namun masih belum menemui penyelesaiannya. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membendung permasalahan ini, namun ia masih berpanjangan. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan merokok dalam kalangan pelajar dan tindakan kaunselor dalam menanganinya. Responden yang terlibat adalah seramai tiga puluh empat orang pelajar dan seorang kaunselor. Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah melalui soal selidik dan temu bual. Data kuantitatif yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif manakala data kualitatif pula menggunakan analisis tematik. Dapatkan kajian mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi kegiatan merokok ialah faktor psikologi, faktor biologi dan faktor persekitaran sosial di mana faktor yang paling dominan adalah faktor biologi. Selain itu, tindakan yang diambil oleh kaunselor menunjukkan keberhasilan yang baik dengan mengambil beberapa langkah yang efisien.

**Kata Kunci:**

Merokok, Kaunselor, Psikologi, Biologi, Persekutuan Sosial, Pelajar Sekolah

**Abstract:**

Smoking habits among students now are very concerning and worrying. This social problem has been around for too long, but it still cannot be handled properly. Various efforts have been made to curb this problem, but it is still lingering. Therefore, this study was conducted to examine the factors that influence smoking among students and the actions of counsellor in dealing with it. The respondents involved were thirty-four students and a counsellor. The methods used are quantitative and qualitative. Data collection was conducted through questionnaire and interview session. Data quantitative were analyzed by using descriptive analysis meanwhile qualitative data were analyzed by thematic analysis. The results showed that the main factors that influence students are psychological factor, biological factor, and social environmental factor which the most dominant factor is biological factor. In addition, the actions taken by counselors had good effectiveness by taking some efficient measures.

**Keywords:**

Smoking, Counsellor, Psychology, Biology, Social Environment

### **Pengenalan**

Masalah sosial remaja semakin meningkat dan amat membimbangkan khususnya tabiat merokok dalam kalangan remaja sekolah. Kesalahan disiplin ini tidak asing lagi dalam masyarakat kini. Kementerian Kesihatan Malaysia menganggarkan bahawa antara 50 hingga 60 remaja sekolah yang terlibat dalam tabiat merokok setiap hari dan sebahagian besar daripada bilangan mereka akan menjadi perokok tegar dan berlarutan sehingga dewasa. Hal ini demikian kerana ia dianggap aktiviti yang biasa bagi remaja yang mula menginjak dewasa dan mengenal dunia. Selain itu, untuk memastikan individu tersebut dianggap sebagai rakan sekumpulan, maka dia perlu mengikuti tabiat yang dilakukan oleh ahli kumpulannya (Widiansyah, 2014). Kenyataan ini turut disokong oleh Fawzani dan Triratnawati (2005), iaitu aktiviti merokok merupakan salah satu cara untuk diterima oleh rakan sebaya dalam bersosial.

Pada lingkungan usia remaja sekolah menengah, keinginan untuk mencuba sesuatu yang baru adalah tinggi. Hal ini kerana, belia dan remaja pada peringkat usia 13 hingga 17 tahun adalah peringkat di mana mereka mula berhadapan dengan krisis serta konflik dalam semasa mencari identiti diri yang ingin ditonjolkan (Yusoff, 2018). Sebagai masyarakat yang prihatin dan menginginkan kesejahteraan negara, kita seharusnya memandang serius terhadap masalah rokok yang semakin meluas dalam kalangan pelajar sekolah. Ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan juga pihak yang terlibat hendaklah sama-sama bersatu padu dalam mengatasi masalah ini dengan mengambil langkah-langkah yang efisien untuk mengatasinya.

### **Permasalahan Kajian**

Isu rokok pada hari ini adalah salah satu isu yang semakin mendapat tempat serta perhatian semua pihak di segenap dunia. Meskipun didikan keburukan rokok diberikan sejak di peringkat awal lagi, namun penggunaannya semakin meningkat saban hari. Di Malaysia, rokok adalah salah satu tembakau yang aktif dan popular digunakan khususnya dalam golongan para lelaki.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga melaporkan bahawa seramai 49% lelaki di Malaysia yang terlibat dalam kegiatan menghisap rokok. Kebiasaannya, merokok dijadikan sebagai simbolik dalam menunjukkan kehebatan serta ketampanan mereka sebagai seorang lelaki sejati. Meskipun begitu, isu rokok adalah isu yang semakin membimbangkan di Malaysia kerana ia memberikan implikasi yang tidak baik dalam segenap aspek khususnya dari segi ekonomi serta kesihatan.

Di Malaysia, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 telah digubal di mana peraturan ini turut terpakai bagi individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Mana-mana individu yang berumur 18 tahun ke bawah, khususnya remaja sekolah yang disabitkan kesalahan sama ada merokok atau mengunyah apa-apa hasil tembakau atau membeli atau memiliki untuk kegunaan sendiri atau tidak, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1000. Namun begitu, meskipun penguatkuasaan undang-undang telah dilaksanakan di Malaysia, tetapi masalah merokok dalam kalangan pelajar sekolah masih belum dapat diatasi sehingga ke hari ini. Hussin dan Nor (2004) (dalam Ali, Zulkarnain & Rengasamy, 2007) menyatakan bahawa tindakan keras yang dikenakan kepada para pelajar yang terbabit masih tidak dapat membantu dalam menghentikan mereka untuk menghentikan aktiviti merokok.

Timbul persoalan tentang faktor yang mempengaruhi pelajar sekolah terlibat dalam kegiatan merokok khususnya pelajar sekolah. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk tahap mengenal pasti tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang gejala rokok serta meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan merokok dalam kalangan pelajar. Kajian ini turut meneroka tindakan kaunselor dan peranan kaunselor dalam keberhasilan tindakan terhadap pelajar yang terlibat dengan gejala rokok .

## Sorotan Literatur

### **Jenis Perokok Berdasarkan Management of Affect Theory**

Wismanto dan Sarwo (2007) menjelaskan bahawa terdapat empat jenis perokok berdasarkan *Management of Affect Theory*. Keempat-empat perilaku ini pada dasarnya wujud pada seorang perokok.

Merokok akibat daripada dipengaruhi oleh perasaan positif

Melalui merokok, seseorang individu itu kebiasaannya akan merasa rangsangan yang positif dalam dirinya. Rangsangan positif ini terdiri daripada tiga jenis iaitu *pleasure relaxation, stimulation to pick them up* dan *pleasure of handling the cigarette*.

- *Pleasure relaxation* adalah satu tindak balas di mana seseorang perokok akan merokok untuk tujuan menambahkan serta meningkatkan kenikmatan yang sudah didapati melalui kaedah lain. Sebagai contoh merokok setelah makan maupun minum.
- *Stimulation to pick them up* iaitu perokok akan menghisap rokok untuk tujuan menyenangkan perasaan semata-mata, khususnya apabila merasa gelisah dan tertekan.
- *Pleasure of handling the cigarette*, kenikmatan yang diperoleh dengan memegang rokok, khususnya paip

rokok atau lebih dikenali sebagai *pipa*. Walaupun terdapat rokok semulajadi ataupun rokok konvensional, namun perokok dalam kelompok ini lebih gemar terhadap *pipa*. Hal ini demikian kerana, mereka lebih gemar untuk memainkan *pipanya* dengan jari-jemari dengan waktu yang agak lama sebelum menghisapnya. Dengan melakukan hal tersebut, mereka akan merasa nikmat kepuasan yang lebih mendalam berbanding menghisap *pipa* tersebut.

Merokok akibat daripada dipengaruhi oleh perasaan negatif.

Jenis ini sangat banyak dikenal pasti dalam golongan perokok. Mereka menghisap dan menggunakan rokok lebih kepada mengurangi perasaan negatif yang melanda diri. Perasaan-perasaan ini termasuklah perasaan marah, cemas mahupun gelisah. Bagi mereka, rokok adalah salah satu penyelamat dalam membantu mereka mengatasi perasaan tersebut.

Perokok yang ketagihan (*psychological addiction*).

Bagi jenis perokok ini, mereka mempunyai ketagihan yang tinggi terhadap rokok iaitu mereka akan cenderung untuk menambah dos rokok yang digunakan setiap kali mereka berasa kesan rokok tersebut adalah kurang. Individu dalam golongan ini biasanya akan sanggup keluar rumah untuk membeli rokok semata-mata tanpa mengira waktu meskipun waktu sudah larut malam.

Perilaku merokok yang sudah menjadi kebiasaan

Golongan perokok ini menggunakan rokok bukan untuk tujuan tertentu seperti membantu mengawal perasaan mereka. Mereka merokok adalah lebih terarah kepada rutin harian yang sudah menjadi kebiasaan. Bagi mereka, kehidupan sehari-hari tidak lengkap atau sempurna tanpa rokok.

Dalam kajian ini, *Management of Affect Theory* ini digunakan sebagai garis panduan dalam mengenal pasti pelajar yang terlibat dalam gejala merokok. Di samping itu, teori ini turut dijadikan sokongan dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tersebut dalam kegiatan merokok.

### **Faktor-faktor Remaja Merokok**

Menurut Fikriyah dan Febrijanto (2012), faktor dalam mempengaruhi kegiatan merokok dalam kalangan remaja ini diklasifikasikan kepada tiga utama iaitu faktor psikologi, faktor biologi dan faktor persekitaran sosial.

#### **Faktor Psikologi**

Merokok adalah salah satu cara untuk mendapatkan ketenangan daripada tekanan rakan sebaya, kebosanan, sifat ingin tahu yang tinggi serta simbol ketampanan dan kegagahannya. Kebiasaannya, perokok yang mengalami tekanan perasaan, mereka akan menggunakan rokok sebagai alternatif untuk menghilangkan kegusaran yang mereka hadapi.

### **Faktor Biologi**

Faktor ini dikaitkan dengan faktor genetik dan sangat mempengaruhi seseorang untuk mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap rokok. Selain genetik, faktor lain seperti mendapat kesan yang baik terhadap nikotin. Nikotin adalah salah satu bahan yang terkandung di dalam rokok yang dapat mewujudkan perasaan nikmat bagi seorang perokok. Kesan daripada tersebut, perokok akan merasa lebih tenang, daya pemikiran yang lebih baik serta dapat mengawal rasa lapar. Dalam masa yang sama ia membantu dalam meningkatkan rangsangan yang dialami oleh perokok. Kesannya, perokok sukar untuk meninggalkan tabiat merokok kerana perasaan kebergantungan pada nikotin yang terkandung di dalam rokok. Rasa nikmat yang dialami daripada rokok akan berkurang sebaik sahaja berhenti merokok.

### **Faktor Persekutaran Sosial**

Faktor ini berkaitan dengan penggunaan tembakau mahupun rokok dalam kalangan rakan sebaya, iklan-iklan rokok sama ada melalui ikon mahupun iklan secara langsung serta dalam keluarga seperti ibu bapa dan adik-beradik. Ibu bapa adalah individu yang memiliki pengaruh kuat terhadap keterlibatan anak dalam tabiat merokok.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan *mixed method* iaitu kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan merokok dalam kalangan pelajar menerusi soal selidik. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Studies) iaitu analisis deskriptif. Soal selidik ini dilaksanakan menerusi *Google Form* iaitu responden akan diberikan masa dalam 5 sehingga 10 minit untuk menjawab soal selidik yang diberikan dan hasil daripada soal selidik tersebut akan dianalisis bagi mendapatkan faktor-faktor yang dominan yang mempengaruhi responden. Seramai 34 pelajar daripada SMK Putra, Kangar, Perlis, Malaysia yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 terpilih sebagai responden dalam kajian ini.

Manakala untuk penyelidikan kualitatif, kaedah temu bual semi struktur digunakan iaitu menemu bual kaunselor sekolah. Tujuan temu bual ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui tindakan-tindakan yang diambil oleh kaunselor dalam menangani pelajar yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan merokok. Di samping itu, pengkaji turut menemu bual kaunselor berkenaan peranannya dalam memastikan keberhasilan tindakan-tindakan yang diambil dalam menangani masalah merokok dalam kalangan pelajar. Data temu bual ini dianalisis secara manual melalui analisis tematik.

### **Dapatan Kajian**

#### **Latar Belakang Demografi**

Kajian ini melibatkan 34 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Kesemua responden yang terlibat adalah pelajar yang terlibat dengan kegiatan merokok dan pernah mendapat tindakan tatatertib daripada pihak disiplin sekolah serta pernah menghadiri sesi kaunseling daripada pihak kaunseling sekolah. Di samping pelajar, seorang kaunselor SMK Putra turut terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden yang terlibat adalah lelaki, beragama Islam dan berbangsa Melayu. Keseluruhan latar belakang demografi yang terlibat telah dirumuskan dan diringkaskan dalam Jadual 1.

### Jadual 1: Ringkasan Demografi Responden

<b>Responden</b>	<b>Bil</b>	<b>Jantina</b>	<b>Bangsa</b>
Ting. 4	11	Lelaki	Melayu
Ting. 5	23	Lelaki	Melayu
Kaunselor	1	Lelaki	Melayu

#### Faktor Kegiatan Merokok

Dapatkan kajian yang dijalankan mendapat terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi responden terlibat dalam aktiviti merokok iaitu pengaruh psikologi, pengaruh biologi dan pengaruh persekitaran sosial. Manakala faktor yang paling dominan adalah faktor biologi. Di samping itu, pengkaji turut menguji tahap kefahaman responden berkaitan rokok. Setiap hasil dapatkan kajian telah diringkaskan dan dibincangkan seperti jadual-jadual di bawah.

#### Tahap Kefahaman

Merujuk Jadual 2, dapat dilihat bahawa kefahaman dan pengetahuan pelajar berkaitan kegiatan merokok adalah pada tahap sederhana dengan purata minnya adalah 2.74 (SP.58). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang mencatatkan purata yang paling tinggi adalah S11 dan S22 dengan nilai minnya yang sama iaitu 3.47 dengan sisihan piawai yang berbeza 1.46 dan 1.78. Seterusnya, ia diikuti dengan S6 iaitu 3.29 (SP1.61) dan S12 sebanyak 3.15 (SP 1.50). S15 dan S18 pula berada pada kedudukan keempat dan kelima dengan nilai minnya adalah masing-masing 2.59 (SP1.40) dan 2.24 (SP1.18). Soalan bagi S10 mempunyai nilai min 2.18 (SP1.53) di mana nilai minnya adalah lebih tinggi berbanding dengan S21 iaitu 1.56 (SP.82).

### Jadual 2: Tahap Kefahaman Responden Berkaitan Rokok

<b>No. Soalan</b>	<b>Soalan</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Soalan 6	Saya mula merokok ketika umur saya kurang dari 15 tahun	3.29	1.61
Soalan 10	Tembakau merupakan bahan utama dalam rokok	2.18	1.53
Soalan 11	Asap rokok bahaya untuk kesihatan	3.47	1.46
Soalan 12	Saya merupakan seorang perokok tegar	3.15	1.50
Soalan 15	Harga rokok di pasaran sangat murah	2.59	1.40
Soalan 18	Merokok mengundang ke arah pembaziran	2.24	1.18
Soalan 21	Terdapat 4000 bahan kimia di dalam rokok	1.56	.82
Soalan 22	Saya berazam untuk berhenti merokok suatu hari nanti.	3.47	1.78
<b>Jumlah</b>		<b>2.74</b>	<b>.58</b>

#### Pengaruh Psikologi

Jadual 3 menunjukkan taburan soalan bagi pengaruh psikologi dalam penglibatan pelajar dengan purata min adalah 2.51 (SP.72). Hasil analisis data yang dijalankan, S5 adalah soalan yang mencapai tahap min yang paling rendah dengan nilai 1.82 (SP.94), diikuti oleh S20 iaitu 2.24 (SP1.18). Manakala purata min S27 adalah 2.53 (SP.72) iaitu lebih tinggi berbanding dengan S19, iaitu 2.41 (SP1.13). Min purata tertinggi bagi pengaruh psikologi dalam

penglibatan pelajar SMK Putra dalam kegiatan merokok adalah S14, diikuti S13 dengan nilai min masing-masing adalah 3.24 (SP1.54) dan 2.82 (SP1.49).

**Jadual 3: Pengaruh Psikologi Dalam Penglibatan Pelajar Terhadap Kegiatan Merokok**

Nombor Soalan	Soalan	Min	SP
Soalan 5	Saya mengalami masalah keluarga yang porak peranda	1.82	.94
Soalan 13	Purata saya merokok sehari ialah lebih dari 7 batang	2.82	1.49
Soalan 14	Apabila saya menghadapi masalah, saya akan menenangkan diri sendiri dengan merokok	3.24	1.54
Soalan 19	Saya akan berbuat apa sahaja yang saya suka walaupun dilarang oleh ibu bapa	2.41	1.13
Soalan 20	Saya teringin mencuba sesuatu yang baru walaupun perkara tersebut salah di sisi undang- undang	2.24	1.18
Soalan 27	Saya sering menghadapi masalah	2.53	1.28
<b>Jumlah</b>		<b>2.51</b>	<b>.72</b>

#### **Pengaruh Biologi**

Selain itu, Jadual 4 adalah satu taburan soalan bagi pengaruh biologi dalam kalangan pelajar di mana purata minnya adalah pada tahap sederhana, iaitu 3.23 (SP.67). Dalam taburan soalan ini, hanya terdapat satu soalan yang berada pada tahap yang rendah iaitu S16 dengan nilai minnya 1.82 (SP1.27). Manakala soalan pada tahap yang tertinggi adalah S1 dengan nilai minnya 4.53 (SP.96). Hal ini bermaksud taburan soalan pada tahap sederhana adalah yang terbanyak termasuklah S2, S3, S8 dan S26 dengan nilai min masing-masing ialah 3.65 (SP1.41), 3.62 (SP1.18), 2.97 (SP1.80) dan 2.76 (1.44).

**Jadual 4: Pengaruh Biologi Dalam Penglibatan Pelajar Terhadap Kegiatan Merokok**

Nombor Soalan	Soalan	Min	SP
Soalan 1	Saya tinggal bersama ibu bapa	4.53	.96
Soalan 2	Saya sering berkongsi masalah dengan keluarga	3.65	1.41
Soalan 3	Saya lebih banyak meluangkan masa bersama keluarga berbanding rakan-rakan	3.62	1.18
Soalan 8	Ahli keluarga saya menghisap rokok	2.97	1.80
Soalan 16	Ibu bapa saya tidak pernah melarang saya menghisap rokok	1.82	1.27
Soalan 26	Saya bebas merokok di mananya sahaja	2.76	1.44
<b>Jumlah</b>		<b>3.23</b>	<b>.67</b>

### **Pengaruh Persekutaran Sosial**

Berdasarkan Jadual 5, purata min bagi pengaruh persekitaran sosial penglibatan pelajar dalam kegiatan merokok adalah pada tahap sederhana, iaitu 2.95 (SP.75). Ramai rakan-rakan saya menghisap rokok adalah taburan soalan yang mencatatkan min yang paling tinggi iaitu 4.03 (SP1.11). Manakala taburan soalan bagi ibu bapa saya tidak pernah mengambil tahu hal peribadi saya mencatatkan min yang paling rendah, dengan nilai 1.53 (SP.99).

**Jadual 5: Pengaruh Persekutaran Sosial Dalam Penglibatan Pelajar Terhadap Kegiatan Merokok**

Nombor Soalan	Soalan	Min	SP
Soalan 4	Saya lebih banyak meluangkan masa bersama kawan-kawan berbanding keluarga	3.09	1.24
Soalan 7	Saya lebih suka berkongsi masalah dengan rakan-rakan berbanding keluarga	2.74	1.36
Soalan 9	Ibu bapa saya tidak pernah mengambil tahu hal peribadi saya	1.53	.99
Soalan 17	Ramai rakan-rakan saya menghisap rokok	4.03	1.11
Soalan 23	Punca saya merokok ialah sekadar ingin mencuba	3.09	1.52
Soalan 24	Hidup saya banyak dipengaruhi oleh kawan-kawan	3.00	1.30
Soalan 25	Salah satu punca saya merokok ialah pengaruh rakan sebaya	3.21	1.37
<b>Jumlah</b>		<b>2.95</b>	<b>.75</b>

### **Faktor Dominan**

Berdasarkan hasil daripada analisis yang dijalankan, Jadual 6 menjelaskan bahawa faktor yang paling dominan yang menjadi pengaruh terhadap kegiatan merokok dalam kalangan pelajar adalah faktor biologi. Ini dapat dibuktikan melalui hasil analisis yang dijalankan di mana faktor biologi mencatatkan min tertinggi dengan nilai 3.23 (SP.67), diikuti dengan faktor persekitaran sosial dengan nilai min 2.95 (SP.73), dan yang terakhir ialah faktor psikologi dengan nilai minnya sebanyak 2.51 (SP.72).

**Jadual 6: Faktor Paling Dominan Dalam Mempengaruhi Pelajar Terhadap Kegiatan Merokok**

Faktor	Min	SP
Psikologi	2.51	.72
Biologi	3.23	.67
Persekutaran Sosial	2.95	.73
<b>Jumlah</b>	<b>2.90</b>	<b>.53</b>

### **Tindakan Kaunselor**

Secara spesifiknya, kaunselor menjelaskan bahawa pelajar merokok yang ingin mendapat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah rujukan kes yang dibuat oleh mana-mana pihak sekolah terlibat. Di samping itu, sesi kaunseling individu dan kelompok menjadi salah satu pendekatan dalam membantu menangani pelajar yang terlibat dengan kegiatan merokok. Pemerhatian kaunselor terhadap tingkah laku pelajar turut menjadi pendekatan yang akan digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam memilih tindakan yang terbaik untuk membantu menangani masalah merokok dalam kalangan pelajar. Sebelum melaksanakan tindakan yang bersesuaian dengan pelajar yang merokok, guru bimbingan dan kaunseling akan merujuk semula prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Seterusnya, saringan awal akan dilaksanakan oleh pihak bimbingan dan kaunseling bagi tujuan untuk membantu dalam mengesan pelajar-pelajar merokok. Berikut merupakan petikan kaunselor berkaitan tindakan-tindakan yang diambil:

#### **Rujukan Kes**

*“Biasanya, Unit Disiplin ataupun pengawas sekolah ataupun mana-mana guru, termasuk juga di kalangan pelajar sendiri akan membuat rujukan, rujukan kes senarai nama-nama pelajar yang terlibat kegiatan merokok di dalam kawasan sekolah.”*

#### **Sesi Kaunseling**

*“Guru bimbingan dan kaunseling akan memanggil pelajar-pelajar yang terlibat dengan aktiviti merokok ini untuk diadakan sesi kaunseling sama ada kaunseling individu ataupun sesi kaunseling kelompok.”*

#### **Pemerhatian**

*“...dan mereka ini kita akan ambil, orang kata apa, dalam perhatian guru bimbingan dan kaunseling dan akan dipanggil dalam jangka masa berkala...”*

#### **Saringan Awal**

*“...kami dapat mengambil tindakan awal dalam membuat saringan awal dalam mengesan pelajar-pelajar baharu yang merokok.”*

#### **Peranan Kaunselor dalam Memastikan Keberhasilan Tindakan**

Dalam memastikan keberhasilan tindakan yang diambil terhadap pelajar yang merokok, kaunselor akan melakukan pemerhatian secara berterusan untuk memastikan mereka yang terlibat dapat meninggalkan sikap ketagihan terhadap rokok yang ada dalam diri pelajar. Guru bimbingan dan kaunseling akan memastikan keberkesanan tindakan yang dipilih dengan menyenarai pendek nama-nama pelajar yang sering mahupun acap kali terlibat dengan kegiatan merokok dalam kawasan sekolah. Kerjasama antara Unit Bimbingan dan Kaunseling serta Unit Disiplin juga dapat memastikan dalam keberhasilan tindakan-tindakan yang dilaksanakan di samping kolaborasi program bersama-sama badan organisasi lain seperti Jabatan Pendidikan. Melalui program ini, ia membantu dalam memberi ruang dan kesedaran kepada para pelajar yang terlibat. Kolaborasi program ini termasuklah aktiviti kaunseling berfokus. Berikut merupakan petikan kaunselor berkaitan tindakan-tindakan yang diambil.

#### **Pemerhatian Berterusan**

*“...tindakan guru bimbingan dan kaunseling ini memang memberi kesan kepada para pelajar ini kerana mereka akan sentiasa dipantau dan mereka pun memang akan sentiasa mendapat maklumat-maklumat berkaitan dengan bahayanya aktiviti merokok pada diri mereka.”*

### **Saringan Berfokus**

“...pelajar yang kerap terlibat dengan aktiviti merokok ini, kita akan senarai pendekkan lagi iaitu untuk kita ambil tindakan membuat, menyenaraikan mereka untuk ujian urine test yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dengan kerjasama Agensi Anti-Dadah Kebangsaan dan juga Jabatan Kesihatan.”

### **Kerjasama bersama Unit Disiplin**

“...keberhasilan tindakan ini adalah berdasarkan kolaborasi Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Unit Disiplin. Kedua-dua unit ini akan bekerjasama dalam memastikan pelajar-pelajar yang terlibat dengan kes merokok ini dapat melalui fasa-fasa tertentu agar mereka diberi bimbingan selain diberi hukuman mengikut tatacara disiplin.”

### **Kolaborasi Program**

“Pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti terlibat dalam kes-kes merokok adalah menyenaraikan pendekkan nama-nama ini untuk tindakan kaunseling berfokus. Pelajar-pelajar akan dipanggil untuk sesi kaunseling dan aktiviti-aktiviti lain seperti program-program yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pendidikan dan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak sekolah sendiri yang mana sasarnya adalah pelajar yang terlibat dengan kegiatan merokok.”

### **Perbincangan**

Hasil dapatan soal selidik yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan pelajar berkenaan rokok adalah pada tahap yang sederhana. Ini bermaksud, pelajar ini kurang pengetahuan dan kefahaman berkenaan rokok secara mendalam. Ini menyebabkan mereka terus terlibat dengan gejala ini tanpa mengetahui keburukan yang ada pada rokok. Malah, ada sesetengah responden yang mula merokok pada usia awal remaja lagi, iaitu seawal 13 tahun. Merujuk kepada hasil dapatan kajian lepas yang dilaksanakan oleh Elon dan Malinti (2019), di mana mereka mendapati bahawa usia awal remaja terlibat dalam kegiatan merokok adalah pada usia 14 tahun. Di samping itu, ada sebahagian daripada responden bahawa merokok bukanlah satu perkara yang tidak bermoral. Oleh kerana kefahaman sedemikian, mereka terus terlibat dengan kegiatan merokok. Ini turut disokong oleh Hussin dan Nor (2004), di mana hasil kajian mendapati persepsi remaja terhadap merokok bukanlah perkara yang salah dari segi moral, dan ini menjadikan sebab untuk remaja merokok.

Pada umumnya, terdapat pelbagai pengaruh yang mungkin menjadi faktor pelajar terlibat dengan gejala merokok. Namun begitu, pengkaji cuba untuk meninjau tiga faktor utama iaitu faktor psikologi, faktor biologi dan faktor persekitaran. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa ketiga-tiga faktor ini merupakan faktor yang sering dikaitkan. Hasil dapatan daripada kajian yang dilaksanakan, ketiga-tiga faktor ini mencapai tahap yang sederhana dalam kalangan responden dengan nilai min sebanyak 2.90 (SP.53). Ini membuktikan bahawa faktor-faktor ini menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar untuk terlibat dengan gejala merokok. Salah satu kajian lepas berkaitan faktor-faktor merokok yang pernah dijalankan adalah oleh Fikriyah dan Febrijanto (2012) di mana hasil dapatan mereka juga mendapati bahawa faktor psikologi, faktor biologi dan faktor persekitaran sosial adalah antara faktor yang tertinggi hasil daripada soal selidik yang mereka jalankan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Elon dan Malinti (2019) juga mendapati bahawa respondennya merokok sesuai dengan keadaan persekitarannya iaitu ketika berkumpul bersama rakan-rakan, selepas makan serta ketika cuaca sejuk yang bertujuan untuk mendapatkan ketenangan dan kenikmatan.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor biologi adalah faktor yang paling dominan yang menjadi pengaruh terhadap kegiatan merokok dalam kalangan pelajar di SMK Putra. Ini dapat dibuktikan melalui hasil analisis yang dijalankan di mana faktor biologi mencatatkan min tertinggi dengan nilai 3.23 (SP.67) jika dibandingkan dengan faktor psikologi dan faktor persekitaran sosial. Faktor psikologi pula adalah faktor yang mencatatkan nilai min yang paling rendah iaitu 2.51 (SP.72), berbanding dengan nilai min bagi faktor persekitaran sosial di mana nilai minnya adalah 2.95 (SP.73). Ini bermaksud faktor keluarga dan genetik adalah faktor yang paling hampir yang menjadi sebab pelajar terlibat dengan kegiatan merokok.

Hasil dapatan ini turut disokong oleh Susanti (2019) melalui kajian mereka di mana hasil penelitian yang mereka jalankan, terdapat hubungan di antara keluarga dengan perilaku merokok remaja kerana keluarga salah satu faktor penentu perilaku merokok pada remaja. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Gumanty, Afandi dan Zulharman (2015) juga mendapati bahawa 98.1% daripada responden mempunyai sokongan yang cukup kuat daripada keluarga terhadap perilaku merokok. Struktur keluarga memang memiliki pengaruh yang besar terhadap perilaku merokok yang muncul pada remaja (Septiana & Syahrul, 2016).

Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama kaunselor SMK Putra, kaunselor telah menyatakan tindakan-tindakan yang dijalankan menerusi temu bual yang dilaksanakan. Kaunselor adalah salah satu tulang belakang sekolah dalam melahirkan generasi negara yang berkualiti. Oleh yang demikian, kaunselor sangat memainkan peranan penting khususnya dalam membantu pihak sekolah dalam menangani pelajar yang terlibat dalam gejala merokok. Menurut Mawaddah (2019), guru bimbingan dan kaunseling diberi amanah dan tanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anak-anak di sekolah dengan baik.

Kaunselor menyatakan bahawa tindakan utama kaunselor adalah berdasarkan prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Hal ini kerana kaunselor ingin memastikan bahawa segala tindakan yang di ambil oleh UBK adalah berlandaskan tatacara yang telah ditetapkan oleh sekolah di samping enggan menimbulkan sebarang isu di kemudian hari. Kaunselor menjelaskan pada hari temu bual tersebut bahawa

“...pihak UBK akan mengambil tindakan mengikut tatacara prosedur yang telah ditetapkan bagi kesalahan merokok dalam kalangan pelajar.”

Kenyataan ini turut disokong oleh Pranoto, Nurhadi & Yuhastina (2020) melalui kajian yang dilaksanakan di mana mereka menjelaskan bahawa guru bimbingan dan kaunseling adalah salah satu golongan yang penting di sekolah khususnya dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang terlibat dengan gejala merokok. Dalam kajian tersebut turut menyatakan di mana kaunselor perlulah mengambil tindakan yang adil dan sejarar dengan peraturan yang telah ditetapkan di sekolah.

Berpandukan transkrip hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama kaunselor SMK Putra, kaunselor menjelaskan bahawa isu merokok dalam kalangan pelajar SMK Putra adalah semakin menurun saban tahun. Ini bermaksud, tindakan-tindakan yang diambil pihak sekolah khususnya kaunselor telah mendatangkan keberhasilan yang baik. Kaunselor menjelaskan bahawa salah satu peranannya dalam memastikan keberkesanan tindakan adalah dengan menjalankan kolaborasi dengan pihak guru disiplin. Kaunselor turut menjelaskan bahawa kerjasama dengan pihak pengurusan sekolah adalah satu kerjasama yang mendatangkan hasil

yang baik. Kenyataan ini selari dengan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Zulkefli (2007) di mana beliau mengkaji tentang pendekatan oleh pentadbir sekolah yang terdiri daripada pengetua, penolong kanan, guru disiplin dan kaunselor sekolah dalam menangani salah laku pelajar.

“Jadi, keberhasilan tindakan ini adalah berdasarkan kolaborasi guru bimbingan kaunseling dan guru disiplin ini akan bekerjasama dalam memastikan pelajar-pelajar yang terlibat dengan kes merokok ini dapat melalui fasa-fasa tertentu agar mereka diberi bimbingan selain diberi hukuman mengikut tatacara disiplin.”

Menurut Ali, Zulkarnain dan Rengasamy (2007), mereka mencadangkan bahawa rawatan pemulihan tabiat merokok dalam kalangan perokok seharusnya dijalankan oleh pihak kakitangan Jabatan Kesihatan serta pihak sekolah. Rawatan pemulihan ini termasuklah melalui nasihat dan kaunseling mengenai tabiat merokok. Berdasarkan temu bual bersama kaunselor, beliau menjelaskan bahawa, kolaborasi program bersama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pendidikan menjadi faktor keberhasilan dalam menangani pelajar yang terlibat dalam gejala merokok.

“Pelajar yang telah dikenal pasti terlibat dalam kes-kes merokok adalah menyenarai pendekkan nama-nama ini untuk tindakan kaunseling berfokus. Pelajar akan dipanggil untuk sesi kaunseling dan aktiviti-aktiviti lain seperti program yang dianjurkan oleh pihak Jabatan pendidikan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak sekolah yang mana sasarannya adalah pelajar yang terlibat dengan kegiatan merokok.”

### Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulannya, terdapat tiga faktor dalam mempengaruhi pelajar terlibat dengan kegiatan merokok iaitu faktor psikologi, faktor biologi dan faktor persekitaran sosial. Ia sejajar dengan kajian yang dilaksanakan oleh Fikriyah dan Febrijanto (2012). Tahap kefahaman pelajar berkaitan kegiatan rokok pula berada pada tahap sederhana. Ini bermaksud, pelajar-pelajar ini kurang pengetahuan dan kefahaman berkenaan rokok secara mendalam. Hal ini menyebabkan mereka terus terlibat dengan kegiatan ini tanpa mengetahui keburukan yang ada pada rokok. Malah, ada sesetengah responden yang mula merokok pada usia awal remaja lagi, iaitu seawal 13 tahun. Merujuk kepada hasil dapatan kajian lepas yang dilaksanakan oleh Elon dan Malinti (2019), di mana mereka mendapati bahawa usia awal remaja terlibat dalam kegiatan merokok adalah pada usia 14 tahun.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor yang paling dominan adalah faktor biologi iaitu faktor genetik di mana ia sangat mempengaruhi seseorang untuk mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap rokok. Struktur keluarga memang memiliki pengaruh yang besar terhadap perilaku merokok yang muncul pada remaja (Septiana & Syahrul, 2016). Selain genetik, pelajar juga mendapat kesan yang baik terhadap nikotin yang menyebabkan mereka memilih untuk terus menghisap rokok (Fikriyah & Febrijanto, 2012).

Dapatan kajian turut mendapati bahawa tindakan yang diambil oleh kaunselor dalam menangani pelajar yang terlibat dalam kegiatan merokok mendapat keberkesanan yang baik dengan mengambil beberapa langkah yang efisien. Menurut Mawaddah (2019), guru bimbingan dan kaunseling dapat diberi amanah dan tanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anak-anak di sekolah dengan baik. Kenyataan ini turut disokong oleh Pranoto, Nurhadi & Yuhastina (2020) melalui kajian yang dilaksanakan di

mana mereka menjelaskan bahawa guru bimbingan dan kaunseling adalah salah satu golongan yang penting di sekolah khususnya dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang terlibat dengan kegiatan merokok.

Tanggungjawab membanteras masalah rokok dalam kalangan pelajar sekolah bukanlah terletak pada bahu guru kaunseling semata-mata. Hal ini demikian kerana tanggungjawab keluarga dalam melahirkan sebuah generasi yang berkualiti turut memainkan peranan yang sangat penting. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan pengkaji, faktor biologi adalah faktor tertinggi di mana ini jelas menunjukkan bahawa keluarga mempunyai peratusan pengaruh yang sangat tinggi dalam pembentukan akhlak anak-anak. Oleh yang demikian, keluarga khususnya ibu bapa hendaklah sentiasa memantau segala aktiviti anak-anak di samping memberikan tunjuk ajar yang betul dari segi agama agar anak-anak tidak terpesong ke jalan yang tidak baik. Di samping itu, kerjasama daripada masyarakat setempat juga diperlukan dalam membantu menangani kegiatan pelajar merokok khususnya di luar kawasan sekolah. Acap kali kita melihat masyarakat menunding jari kepada pihak lain tanpa melihat sendiri peranan masing-masing. Masyarakat setempat hendaklah peka dalam memainkan peranan masing-masing sebagai ‘mata dan telinga’ ibu bapa dalam memberikan teguran kepada mana-mana pelajar yang terlibat dengan kegiatan sedemikian. Akhir sekali adalah peranan individu yang terlibat dengan kegiatan merokok juga memainkan peranan yang sangat besar dalam memilih jalan hidup yang sihat. Segalanya adalah bermula pada diri sendiri. Merokok merupakan satu kegiatan yang membahayakan kesihatan. Oleh yang demikian, tanamkan dalam diri masing-masing untuk meninggalkan kegiatan tersebut secepat mungkin. Hal ini kerana kesan daripada merokok bukanlah satu rekaan dan guruan yang dibuat-buat.

## Rujukan

- Abd Halim, H., & Ismail, Z. (2015). Pendekatan pencegahan kaunselor Muslim dalam menangani salah laku pelajar sekolah menengah di Daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8, 17.
- Ali, S. K. S., Zulkarnain, S., & Rengasamy, S. (2007). Program Pemulihan Amalan Tabiat Merokok dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 89-99.
- Daud, S. (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Klang, Selangor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Elon, Y., & Malinti, E. (2019). Fenomena Merokok Pada Anak Usia Remaja: Studi Kualitatif. *Klabat Journal of Nursing*, 1(1), 78-87.
- Fawzani, N., & Triratnawati, A. (2005). Terapi berhenti merokok (studi kasus 3 perokok berat). *Jurnal Makara Kesehatan*, 9(1), 15-23.
- Fikriyah, S., & Febrijanto, Y. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi perilaku merokok pada mahasiswa laki-laki di asrama putra. *Jurnal stikes*, 5(1), 99-109.
- Gumanty, H., Afandi, D., & Zulharman, Z. (2015). *Gambaran Dukungan Sosial pada Siswa Siswi terhadap Sikap Merokok di Sekolah Menengah Pertama Negeri Kota Pekanbaru* (Doctoral dissertation, Riau University).
- Hasibuan, S. M. (2019). *Upaya Guru Bimbingan Konseling Dalam Mengatasi Kebiasaan Merokok Melalui Bimbingan Kelompok Di SMA Al-Hidayah Medan* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara).
- Hussin, S., & Nor, M. M. (2004). Dasar warga sihat: isu psikologi faktor remaja sekolah merokok. *Jurnal Pendidikan*, 24, 141-160.

- Mahmood, W. S. W. (2018). Penglibatan Terhadap Gejala Rokok dan Dadah dalam Kalangan Pelajar Baharu Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 105-114.
- Mirnawati, M., Nurfitriani, N., Zulfiarini, F. M., & Cahyati, W. H. (2018). Perilaku merokok pada remaja umur 13-14 tahun. *HIGEIA (Journal of Public Health Research and Development)*, 2(3), 396-405.
- Nen, S., & Ibrahim, K. A. (2018). Persepsi pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. *e-BANGI*, 13(4), 93-103.
- Oktavia, D. (2011). Faktor-faktor yang berhubungan dengan tindakan merokok siswa laki-laki di SMA Negeri Kota Padang Tahun 2011. *Skripsi. Padang: Universitas Andalas.*
- Othman, M. K. H., Suhid, A., & Roslan, S. (2015). Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Pranoto, B., Nurhadi, N., & Yuhastina, Y. (2020). Peran sekolah dalam mengatasi perilaku merokok siswa di sma negeri karangpandan. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial*, 7(2), 173-190.
- Rochayati, A. S., & Hidayat, E. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi Perilaku Merokok remaja di sekolah Menengah kejuruan kabupaten kuningan. *Jurnal Keperawatan Soedirman*, 10(1), 1-11.
- Septiana, N., & Syahrul, H. (2016). Faktor keluarga yang mempengaruhi perilaku merokok pada siswa sekolah menengah pertama. *Jurnal Ilmu Keperawatan*, 4(1), 1-14.
- Susanti, S. S. (2019). Fungsi Keluarga Dengan Perilaku Merokok Pada Remaja. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Fakultas Keperawatan*, 4(1).
- Widiansyah, M. (2014). Faktor-faktor penyebab perilaku remaja perokok di desa sidorejo kabupaten penajam paser utara. *Journal Sosiologi*, 2(4), 1-12.
- Wulan, D. K. (2012). Faktor psikologis yang mempengaruhi perilaku merokok pada remaja. *Humaniora*, 3(2), 504-511.
- Yahaya, M., Akhir, N. M., & Sulaiman, M. N. (2018). Faktor tingkah laku merokok dalam kalangan mahasiswa universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(2), 37-44.
- Yusni, M. Y. (2015). *Kesan bimbingan kelompok terhadap konsep kendiri murid sekolah rendah/Yusni Mohamad Yusop* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Yusoff, H. (2018). Amalan refleksi dalam profesionalisme guru pendidikan islam sekolah rendah. *Ph. D Dissertation*. Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria, Z., & Mohamad, A. K. (2004). *Faktor-Faktor yang Mendorong Pelajar Sekolah Menengah Merokok: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Permas Jaya, Johor Bahru* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).